

Najib: Wanita berperanan mengekalkan keseimbangan demokrasi
Malaysian Insider
Mei 28, 2013
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 28 Mei — Datuk Seri Najib Razak hari ini mengakui peranan wanita dalam mengekalkan keseimbangan demokrasi dalam sesebuah kerajaan, walaupun senarai Kabinet barunya menunjukkan sebaliknya.

Selepas berakhir pilihan raya umum ke-13 (PRU13) baru-baru ini, Najib hanya melantik dua wanita iaitu Nancy Shukri dan Datuk Rohani Abdul Karim (gambar) sebagai menteri daripada 30 jawatan keseluruhan dalam Kabinet barunya, manakala lima lagi wanita dilantik sebagai timbalan menteri.

"Jika kita mahu mengekalkan keseimbangan demokrasi, ianya sangat jelas kita perlu meningkatkan penyertaan wanita dalam politik.

"Saya sangat berbesar hati dengan peranan aktif dan yang boleh dilihat oleh sesetengah wanita dalam politik negara kami," kata Perdana Menteri semasa berucap pada majlis pembukaan Global Conference On Women Deliver di Kuala Lumpur Convention Centre disini.

Dalam ucapannya lagi, Najib juga menyentuh ketidakseimbangan kuasa buruh dikalangan wanita walaupun ekonomi negara berkembang pada 5.6 peratus tahun lepas.

"Ekonomi Malaysia menyaksikan perkembangan pada 5.6 peratus tahun lepas.

"Tetapi penyertaan kuasa buruh wanita terkini pada 47 peratus perlu dipertingkatkan jika kita mahu melihat perkembangan yang lebih seimbang dan kukuh," kata Najib lagi.

Walau bagaimanapun, Najib berkata pentabdirannya sedang berusaha untuk mengurangkan jurang dikalangan golongan wanita, khususnya menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilaksanakan.

"Dalam Program Transformasi Ekonomi, kami mempunyai sasaran iaitu meningkatkan penyertaan kuasa buruh wanita kepada 55 peratus dan meningkatkan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai kepada 30 peratus," tambahnya lagi. Seramai 168 calon wanita bertanding merebut kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam PRU 13 pada 5 Mei lalu, angka tersebut menunjukkan peningkatan hampir 40 peratus berbanding 120 calon untuk kedua-dua kerusi Parlimen dan DUN pada pilihan raya umum 2008.

Menurut statistik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang dikeluarkan, pertandingan calon wanita merebut kerusi Parlimen membabitkan 56 calon manakala 112 calon bagi kerusi DUN.

Barisan Nasional (BN) meletakkan calon wanita paling ramai iaitu 22 orang bagi kerusi Parlimen dan 49 orang di DUN.

Kira-kira separuh daripada 70 calon wanita Barisan Nasional (BN) yang bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) berjaya memenangi kerusi masing-masing di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) sekali gus membuktikan wanita juga mampu untuk

menambat hati rakyat.

Daripada 40 wanita calon BN yang menang, Umno memperoleh kejayaan besar iaitu memenangi 32 daripada 42 kerusi yang ditandingi, berbanding parti-parti komponen BN.

Malaysia kini mempunyai 28.3 juta penduduk dengan bilangan wanita 13.77 juta orang.

Malah, pengundi wanita lebih ramai berbanding lelaki pada PRU13 yang diadakan baru-baru ini, jumlah pengundi wanita ialah seramai 6,664,474 (50.23 peratus) manakala pengundi lelaki 6,603,528 (49.77 peratus).

BN mempertahankan kuasa sebagai kerajaan pusat dalam pilihan raya 5 Mei dengan hanya 133 kerusi Parlimen, lebih 21 daripada syarat 112 kerusi Parlimen untuk menang majoriti mudah.

Walaupun, kemenangan BN kali ini lebih kecil di Parlimen sejak negara Merdeka pada 1957 dan parti pemerintah juga hilang undi undi popular apabila memperoleh 48 peratus berbanding pembangkang Pakatan Rakyat 51 peratus.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-wanita-berperanan-mengekalkan-keseimbangan-demokrasi/>